



Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Alexander Nanta Linggi. - NSTP/Mohd Fadli Hamzah

10,212 aduan di terima KPDNHEP sepanjang PKP

Oleh Essa Abu Yamin
bhnews@bh.com.my

BATU PAHAT: Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) menerima 10,212 aduan dan pertanyaan berkaitan bekalan serta harga jualan barangan sepanjang pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP), sejak 18 Mac lalu.

Menterinya, Datuk Alexander Nanta Linggi, berkata sepanjang tempoh itu aduan diterima berjaya dikawal pihak KPDNHEP.

"Aduan diterima menerusi empat saluran utama, iaitu WhatsApp sebanyak 5,325, e-aduan (2,012), talian hotline KPDNEP (2,122) dan Enforcement Command Centre (ECC) sebanyak 753.

"Antara aduan dan pertanyaan adalah berkaitan topeng muka, cecair pembasmi kuman, beras, sayur, telur, bawang, makanan, produk makanan dan barangan asas.

"Sebanyak 1,569 aduan berkaitan bekalan dan harga barangan diterima dan 443 masih lagi dalam siasatan, manakala selebihnya sudah selesai," katanya.

Beliau berkata demikian selepas mengadakan lawatan kerja ke kilang pengeluar telur ayam Teo Seng Capital Berhad Yong Peng, di sini, hari ini.

Yang turut dihadiri oleh Pengarah Eksekutif Kumpulan Leong Hup International Berhad, Tan Sri Lau Tuang Nguang dan Pengarah Urusan Teo Seng Capital Berhad, Nam Hiok Joo.

Beliau berkata, pihaknya akan mengambil tindakan mengikut prosedur operasi standard (SOP) ditetapkan kementerian dan akan mempertingkatkan pemantauan serta pemeriksaan berkaitannya di seluruh negara.

"Kementerian akan memastikan bekalan mencukupi sepanjang pelaksanaan PKP termasuk barang makanan seperti telur.

"Berdasarkan permintaan yang meningkat ketika ini, pihak KPDNHEP akan memastikan tiada kenaikan harga barangan keperluan harian yang tidak munasabah.

"Jika ada naik harga ia tidak banyak, sebagai contoh harga telur akan meningkat sekitar dua atau tiga sen sahaja setiap biji tetapi tidak akan melebihi harga syiling," katanya.

<https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2020/04/678705/10212-aduan-di-terima-kpdnhep-sepanjang-pkp>

